



20 NOV, 2024

Kastam sita 15 kereta bernilai RM2.8j

Harian Metro, Malaysia



ANTARA kenderaan yang disita di Kompleks Penguatkuasaan dan Pematuhan Kiamas, JKDM Wilayah Persekutuan Labuan.

Kastam sita 15 kereta bernilai RM2.8j

Labuan: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Labuan merampas 15 kereta pelbagai jenama keseluruhannya dianggar bernilai RM2.8 juta termasuk cukai, dalam operasi antara 23 Oktober hingga 15 November lalu di pelbagai lokasi di Sabah.

Antara dirampas ialah Ferrari GTB 599 Fiorano,

Mercedes Benz GLA250, beberapa model Toyota selain Subaru Impreza dan Nissan Grand Livina.

Pengarah Kastam Labuan Aspalila Awang Tuah berkata, kenderaan dirampas itu didapati melang-

gar syarat di bawah Butiran 14 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017, yang mengehaskan kenderaan berdaftar bebas cukai berada di luar Labuan tidak melebihi 90 hari dalam setahun.

“Kejayaan operasi

ini mencerminkan kerja berpasukan antara JKDM Labuan dan Sabah.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1) Akta Kastam 1967,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, hasil operasi terbaharu itu menjadikan 67 kenderaan disita JKDM Labuan tahun ini, yang dianggar RM7.6 juta.





20 NOV, 2024

Kastam sita 15 kereta bernilai RM2.8j

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Labuan: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Labuan merampas 15 kereta pelbagai jenama keseluruhannya dianggar bernilai RM2.8 juta termasuk cukai, dalam operasi antara 23 Oktober hingga 15 November lalu di pelbagai lokasi di Sabah. Antara dirampas ialah Ferrari GTB 599 Fiorano, Mercedes Benz GLA250, beberapa model Toyota selain Subaru Impreza dan Nissan Grand Livina.